

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK ANGGOTA MALBATT YANG TERKORBAN DI DALAM MISI-MISI PBB  
Lokasi : ODITORIUM KEMENTAH, WISMA PERTAHANAN, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 03-09-1994

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan kudrat dan iradat-Nya jua kita terus mengecapi nikmat kehidupan di dalam kesihatan dan kebahagiaan. Dengan keizinan-Nya juga, kita dapat berkumpul di sini pada hari yang berbahagia ini untuk menyempurnakan suatu majlis yang cukup bermakna. Hari ini, kita sama-sama meraikan tanggungan wira-wira negara yang terkorban semasa melaksanakan amanah nusa dan bangsa di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Somalia dan Bosnia-Herzegovina.

2. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Puspanita Kementerian Pertahanan dan Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) di atas kejayaannya mengadakan majlis yang penuh erti ini. Sesungguhnya, penganjuran majlis ini mempamerkan keprihatinan yang tinggi di kalangan barisan kepimpinan kedua-dua pertubuhan ini terhadap perkembangan yang berlaku di sekeliling kita. Daya usaha Puspanita dan BAKAT, selaku pertubuhan-pertubuhan sukarela, sewajarnya diteladani oleh pihak-pihak lain di dalam masyarakat kita kerana ia pastinya akan mengukuhkan segala pembelaan yang dihulurkan oleh Kerajaan kepada keluarga perajurit yang terkorban ketika berkhidmat untuk negara.

3. Saya amat berbangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di dewan yang permai ini. Sesungguhnya, kehadiran kita di sini sekaligus membuktikan dengan jelas betapa masyarakat amat menyanjungi pengorbanan para perajurit kita yang berkhidmat dengan penuh semangat keperwiraan dan taat setia demi menjaga imej dan maruah bangsa dan negara. Hasil ketrampilan kontinjen- kontinjen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di dalam misi-misi PBB, kepahlawanan serta semangat waja para perajurit kita sudah terkenal di kalangan masyarakat tentera antarabangsa. Tidak syak lagi, profesionalisma para pegawai dan anggota MALBATT sama ada di Somalia mahu pun di Bosnia-Herzegovina telah menjadikan ATM suatu angkatan bersenjata yang amat dikagumi dan dihormati dunia.

4. Secara peribadi, saya menganggap bahawa sanjungan yang diterima oleh ATM bukanlah sesuatu yang memeranjatkan setelah saya berkesempatan menyaksikan sendiri semangat juang yang bersemarak di kalangan para perajurit kita yang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina. Ketika mengiringi suami saya melawat perajurit kita di pengkalan MALBATT di sana Julai lalu, saya merasa begitu terharu kerana anggota-anggota tentera kita rata-rata menyatakan kebanggaan kerana terpilih untuk mewakili negara dan ATM di dalam misi PBB. Jelas, mereka amat menghargai kesempatan untuk menimba pengalaman dan ilmu di dalam beroperasi di persekitaran yang berbeza dari negara sendiri.

5. Ketika menunaikan tanggungjawab sebagai perajurit, semestinya tuan-tuan menghadapi ancaman terhadap keselamatan jiwa. Seramai lima orang pegawai dan anggota kontinjen-kontinjen MALBATT telah terkorban di Somalia dan Bosnia-Herzegovina. Sesungguhnya, wira-wira ini wajar diberi penghormatan yang tertinggi kerana mereka telah membuat pengorbanan yang terlalu besar, yakni berkorban nyawa, demi menabur khidmat bakti kepada keamanan sejagat.

Keperwiraan mereka akan kekal terpahat dengan tinta emas di dalam lipatan sejarah kepahlawanan negara.

6. Pemergian para perajurit ini pastinya merupakan suatu kehilangan besar kepada keluarga masing-masing. Pemergian mereka meninggalkan isteri dan anak-anak dengan tiada lagi tempat bergantung kasih. Pendeknya, dalam sekelip mata, keluarga mereka dinafikan pohon rendang tempat mereka bergantung selama ini.

Walaupun pepatah Melayu menyatakan: "berat mata memandang, berat lagi bahu memikul", masyarakat keseluruhannya turut merasai kehilangan mereka.

7. Namun, kata-kata simpati semata-mata sukar melegakan keadaan yang ditanggung oleh keluarga-keluarga ini yang terpaksa meneruskan kehidupan tanpa suami dan bapa.

Persoalannya, apakah kita hanya setakat meluahkan simpati atau berusaha secara berkesan untuk memastikan pembelaan yang sewajarnya kepada mereka? Dalam hubungan ini, sukalah saya menggesa agar seluruh lapisan masyarakat, khususnya mereka yang telah memanfaatkan kestabilan dan keamanan negara untuk mengaut kekayaan, untuk menyumbang kepada kebajikan keluarga-keluarga warga tentera. Dengan cara ini, masyarakat menyatakan dengan jelas betapa jasa dan khidmat bakti para perajurit dikenang lagi disanjung.

8. Kepada para balu dan anak-anak para perajurit yang terkorban, saya dengan segala kerendahan hati ingin menyatakan bahawa saya amat mengkagumi pengorbanan puan-puan dan anak-anak sekalian. Pada saya, sikap puan-puan merelakan pemergian suami masing-masing merupakan suatu pengorbanan yang harus disanjung. Berbanggalah dengan jasa suami puan-puan dan jadikanlah episod ini di dalam kehidupan masing-masing untuk meneruskan kehidupan bersama anak-anak.

Saya yakin puan-puan boleh mengecapi kebahagiaan dengan menumpukan perhatian kepada usaha untuk membimbing anak-anak agar menjadi kebanggaan masyarakat dan negara seperti bapa-bapa mereka. Saya yakin ketabahan puan-puan akan menguatkan semangat anak-anak di kala mereka merasakan kehilangan orang tersayang.

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Puspanita kementerian ini dan BAKAT kerana sudi menjemput saya ke majlis ini. Semoga usaha murni ini diredai Allah Subhanahu wa Ta'ala, insya-Allah.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Derma kepada anak-anak Anggota MALBATT.

\*\*\*\*\*